

TERMA DAN SYARAT PERADUAN

1. #DrypersBumpWeek dianjurkan oleh Drypers Malaysia, Vinda Marketing (M) Sdn. Bhd. dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas kecuali kakitangan Pihak Penganjur dan keluarga terdekat mereka, dan/atau syarikat gabungan, pengedar, agensi-agensi pengiklanan dan promosi Pihak Penganjur.
2. Peraduan ini akan diadakan pada setiap bulan. Setiap peraduan akan dijalankan untuk tempoh 1 bulan, bermula pada hari pertama sehingga hari terakhir setiap bulan ("Tempoh Peraduan"), dari April 2019 ke Disember 2019. Sebarang penyertaan selepas hari terakhir bulan yang disertai tidak akan diterima dan dianggap tidak sah.
3. Pihak Penganjur berhak untuk menukar atau menangguhkan "Tempoh Peraduan" pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

CARA-CARA MENYERTAI PERADUAN

Setiap penyertaan yang SAH akan mendapat **200 Mata Ganjaran Drypers** yang boleh ditebus di Drypers Point Shop.

- (1) Daftar sebagai ahli Drypers Baby Club
- (2) Ambil Gambar Mengandung anda dalam **format Potret (Foto tegak)**
- (3) Isikan maklumat peribadi & Hantar **Gambar Mengandung** dalam tempoh peraduan yang ditetapkan di Microsite #DrypersBumpWeek.
- (4) Lima puluh (50) peserta yang memenuhi kriteria berserta gambar yang paling kreatif akan memenangi "Drypers Nursing Shawl":

50X Hadiah #DrypersBumpWeek: "Drypers Nursing Shawl" bernilai **RM70**

4. Peraduan ini hanya terbuka kepada **ibu mengandung** atau **ibu yang mempunyai anak berumur tidak lebih dari 6 bulan**.
5. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan tetapi setiap pemenang hanya layak untuk memenangi SATU (1) kali sepanjang peraduan #DrypersBumpWeek. Selain itu, setiap peserta akan mendapat 200 Mata Ganjaran Drypers sekali sahaja, tanpa mengira betapa banyak penyertaan yang dihantarkan.
6. 200 Mata Ganjaran Drypers akan diberi kepada setiap peserta dengan Kod Unik yang dihantar oleh Pihak Penganjur melalui e-mel. Setiap peserta akan menerima Kod Unik dalam masa **3 – 4 minggu**

selepas tamat “Tempoh Peraduan”. Peserta perlu memasukkan Kod Unik yang diberi di Drypers Point Shop untuk menebus 200 Mata Ganjaran Drypers.

7. Pihak Penganjur akan menghantar SMS kepada para pemenang (50x) untuk memaklumkan bahawa mereka telah memenangi hadiah – “Drypers Nursing Shawl” dalam masa 3 – 4 minggu selepas tamat “Tempoh Peraduan”. Pemenang juga akan diumumkan di Microsite #DrypersBumpWeek.

HADIAH

8. Pemprosesan dan penghantaran hadiah akan mengambil masa selama **1 – 2 minggu** selepas pengumuman pemenang. Hadiah akan dihantarkan ke rumah pemenang melalui ejen perkhidmatan penghantaran ekspres yang diupah oleh Pihak Penganjur.
9. Pihak Penganjur berhak untuk menuntut bukti pengenalan atau butiran peribadi pemenang bagi tujuan pengesahan.
10. Gambar hadiah adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza daripada hadiah yang ditunjukkan.
11. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau dikembalikan kepada Pihak Penganjur.
12. Pihak Penganjur mempunyai hak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menukar atau menggantikan sebarang hadiah yang ditawarkan dengan sebarang hadiah yang sama nilainya tanpa memberi sebarang notis awal. Nilai hadiah adalah betul pada masa percetakan. Semua hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau barangan lain.
13. Pihak penganjur akan menetapkan cara penghantaran hadiah dan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kelewatan bungkusan yang dihantarkan.

TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

14. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau lewat.
15. Penyertaan akan dibatalkan secara automatik sekiranya sebarang penipuan didapati. Sekiranya penyertaan pemenang sudah dibatalkan, Pihak Penganjur berhak untuk menganugerahkan hadiah kepada pemenang lain.
16. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk membenarkan Pihak Penganjur untuk memaparkan atau menggunakan nama dan/atau slogan semua peserta dan pemenang untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan sebagainya termasuk paparan di laman web Facebook dan Instagram Drypers tanpa sebarang pemberitahuan atau kebenaran tambahan peserta dan pemenang. Semua peserta dan pemenang tidak berhak membuat sebarang tuntutan atau pampasan berikutan dari tujuan publisiti di atas.

17. Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad dan sebarang rayuan dalam apa-apa bentuk tidak akan dilayan.
18. Dengan menyertai peraduan ini, para peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada terma dan syarat peraduan serta segala keputusan Pihak Penganjur.
19. Pihak Penganjur berhak untuk menukar, menambah dan/atau meminda terma dan syarat peraduan tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
20. Jika anda mempunyai sebarang soalan, sila hubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan Drypers **1800-88-9988** (Isnin-Jumaat, 9am-5pm) atau e-mel ke <my.drypersbabyclub@vinda.com>.